



TENPIN BOLING

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

- 1.1. Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan Malaysia TenPin Bowling Congress (MTBC) dan juga yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Sukan Antara Kolej (SUKOL) Universiti Teknologi MARA.
- 1.2. Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka undang-undang permainan bowling terkini dalam Bahasa Inggeris hendaklah diikuti.

2.0 KELAYAKAN PEMAIN

- 2.1 Pelajar sepenuh masa di Universiti Teknologi MARA Shah Alam semasa pertandingan dijalankan.
- 2.2 Pelajar yang telah membuat validasi Sesi Akademik semasa pertandingan dijalankan.
- 2.3 Merujuk kepada Perkara 4.0 Peraturan AM

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Setiap Kolej hanya dibenarkan mendaftar 1 pasukan lelaki dan 1 pasukan wanita yang terdiri daripada 4 orang sahaja.
- 3.2 Pemain yang tidak disenaraikan namanya di dalam borang pendaftaran pasukan tidak dibenarkan mengambil bahagian.
- 3.3 Borang pendaftaran pasukan hendaklah ditandatangani oleh pengurus pasukan dan diserahkan kepada Penyelaras Boling pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

4.0 FORMAT PERTANDINGAN

3.1 Acara Berpasukan

- 3.1.1 Empat (4) orang peserta dalam satu (1) pasukan akan bermain dalam empat (4) permainan sahaja di lorong-lorong seperti yang telah ditetapkan Jawatankuasa Pengelola.
- 3.1.2 Pasukan dengan jumlah jatuhan pin tertinggi akan dikira sebagai pemenang.
- 3.1.3 Lapan orang pemain yang mencatatkan jatuhan pin tertinggi akan layak ke acara Individu Masters dan pemain yang mempunyai jatuhan pin tertinggi juga akan dikira sebagai pemenang bagi **Acara Perseorangan (Singles)**, tempat pertama hingga ketiga sahaja.

3.2 Acara Individu (Masters)

- 3.2.1 Acara Individu Masters akan dijalankan secara kalah mati.
- 3.2.2 Seramai lapan (8) orang peserta dengan jatuhan pin tertinggi di peringkat acara berpasukan layak untuk bertanding dalam acara Individu Masters.
- 3.2.3 Sekiranya terdapat pemain yang layak dalam acara Individu Masters tidak dapat hadir atau tidak boleh bermain kerana kecederaan, tiada pemain gantian akan dipanggil.
- 3.2.4 Pemain hanya akan bermain satu permainan sahaja dalam setiap pusingan kalah mati ini.
- 3.2.5 Sekiranya peserta mempunyai jatuhan pin yang sama, satu “ball throw” akan diadakan sehingga pemenang diketahui.

5.0 PAKAIAN

- 5.1 Setiap pasukan dikehendaki memakai baju yang seragam dan memakai stokin.
- 5.2 Pemain tidak dibenarkan memakai topi, seluar pendek atau seluar jeans semasa bermain.
- 5.3 Pihak pengelola tidak bertanggungjawab atas penyediaan kasut. Bagi pemain yang tidak mempunyai kasut bowling dikehendaki membuat sewaan di kaunter. Dinasihatkan pemain supaya datang awal untuk mendapat kasut yang sesuai.

6.0 PERALATAN

- 6.1 Pihak pengelola tidak bertanggungjawab di atas penyediaan peralatan seperti bola atau lain-lain peralatan permainan.
- 6.2 Hanya bola dan peralatan yang diluluskan sahaja yang boleh digunakan di sepanjang tempoh pertandingan.

7.0 KELEWATAN

- 7.1 Semua pengurus pasukan mesti memastikan semua pemain berada di bowling alley 15 minit sebelum masa pertandingan dimulakan.
- 7.2 Setiap pasukan mestilah mencukupi 4 orang pemain apabila permainan dimulakan, sebarang kelewatan pemain tidak akan dibenarkan untuk bermain.

8.0 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

Setiap pasukan / atlet hendaklah menghabiskan setiap pertandingan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan. Jika tidak pasukan / atlet tersebut boleh disingkirkan daripada pertandingan ini.

9.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Sukan Antara Kolej (SUKOL) Universiti Teknologi MARA. dan keputusannya adalah muktamad.